

MERBAH LURIS LEHER
Stripe-throated Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus finlaysoni*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi sub-spesies *P.f.eous*, mempunyai bahagian hadapan kepala, bahagian sisi telinga, rengkong dan bahagian atas dada yang berjalur kuning manakala bahagian bawah tongkeng berwarna kuning. Pada bahagian bawah bahagian dada, terdapat jalur-jalur berwarna putih. Individu juvenil bagi spesies mempunyai bahagian mahkota kepala, bahagian atas badan serta bahagian dada yang pudar dan berwarna coklat manakala pada bahagian hadapan kepala dan bahagian tengah rengkong/dada, tidak terdapat sebarang jalur yang berwarna kekuningan. Hampir keseluruhan bahagian dada individu ini tidak berjalur. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 19 sm-20 sm.

MAKANAN

Serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil termasuklah nektar dan tunas tumbuhan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan sekunder, belukar, kawasan terbuka serta kawasan yang diluaskan di kawasan hutan dipterokap, kawasan hutan campuran serta di kawasan pinggir hutan, pada ketinggian sehingga ke 1,300 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang parau *whit-chu which-ic* dan bunyi *whit whit-tu-iwhit-whitu'-tu*.

PEMBIAKAN

Februari hingga September di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan yang kecil, di kawasan belukar atau anak pokok, pada ketinggian di antara 0.6 m-4.5 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-4 biji serta terdapat bintik-bintik berwarna merah hingga ke warna ungu ke warna dakwat yang pudar serta jalur-jalur pada bahagian bawah yang berwarna hitam.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.